

Article Info:

Published Date: 27 June 2022

*Corresponding Author: mohdn4491@uitm.edu.my

SIGNIFIKAN IMEJ KATAK SEBAGAI SIMBOL BUDAYA DALAM SENI CETAKAN

Significant of Frog Image as a Cultural Symbol in Printmaking

Mohd Nafis Saad¹, Rosmidahanim Razali², Ruzamira Abdul Razak³, Muhammad Salehuddin Zakaria⁴, Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad⁵

^{1,2,3,4,5}Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak, Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

To cite this article (APA): Saad, M. N., Razali, R., Abdul Razak, R., Zakaria, M. S., & Said Ahmad @ Syed Ahmad, S. H. (2022). Significant of Frog Image as a Cultural Symbol in Printmaking. *KUPAS SENI*, 10(1), 12-20. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.1.2.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.1.2.2022>

ABSTRAK

Seni cetakan merupakan satu cabang seni halus yang tumbuh seiring dengan perkembangan seni rupa moden Malaysia. Pasca merdeka, memperlihatkan gagasan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) 1971 memberi pengaruh besar dalam dunia seni rupa moden Malaysia dalam mengimbangi isu budaya tempatan dan sosial. Intipati visual di dalam karya seni cetak turut dipengaruhi dengan perlambangan simbol dari subjek alam dan persekitaran bagi menyampaikan mesej budaya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti fungsi imej katak dalam karya seni cetakan konvensional. Penulisan ini adalah untuk menganalisis serta mengkaji konteks dan makna subjek katak sebagai suatu simbol dalam karya seni cetakan. Pendekatan kajian menggunakan kaedah kualitatif yang dijalankan dengan cara pengumpulan data primer dan sekunder melalui observasi, temubual dan dokumentasi. Tiga buah karya cetakan konvensional yang memaparkan imej katak dipilih untuk di analisis. Hasil dapatan mendapati penggunaan simbol haiwan katak didalam karya digunakan sebagai suatu bentuk komunikasi bagi menyampaikan mesej secara lebih bersantun dan tersirat. Ianya mengklasifikasikan sosio budaya dari aspek alam persekitaran, kebudayaan, sosial melalui perkaitan antara simbol, konteks dan makna. Walaupun mempunyai persamaan dari segi penggunaan imej katak sebagai simbol perlambangan, namun gambaran mesej yang ingin disampaikan oleh setiap pengkarya membawa kepada maksud yang berbeza - beza. Kesimpulannya, penggunaan subjek katak sebagai tema tidak terhad sekadar menghasilkan imej visual dalam karya semata-mata tetapi merupakan perlambangan dalam menyampaikan maksud. Secara tidak langsung karya-karya ini menyetengahkan mesej dan respon kepada sosio budaya tempatan yang berlaku di Malaysia. Abstrak adalah ringkasan kajian yang dijalankan oleh penulis.

Kata kunci: Budaya, Katak, Seni Cetak, Simbol

ABSTRACT

Printmaking is a branch of fine art that grew along with the development of modern Malaysian art. In the post-independence period, the idea of the National Cultural Policy (DKK) 1971 had a great influence on the world of modern Malaysian art in addressing local cultural and social issues. The visual essence of the printmaking artwork is also influenced by symbolism from the subject of nature and the environment to convey cultural messages. This study aims to identify the function of frog images in conventional printmaking artwork. This writing is to analyze and study the context and meaning of the frog subject as a symbol in printmaking artworks. The research approach uses a qualitative method that is carried out by collecting

primary and secondary data through observation, interviews, and documentation. Three conventional printmaking artworks featuring images of frogs were selected for analysis. The findings found that the use of the frog animal symbol in the artwork is used as a form of communication to convey a message in a more polite and implicit way. It classifies socio-culture from environmental, cultural, and social aspects through the relationship between symbols, context, and meaning. Despite having similarities in terms of the use of the image of a frog as a symbolic, the depiction of the message that each artist wants to convey leads to different meanings. In conclusion, the use of the subject of frogs as a theme is not limited to simply producing visual images in the artwork but is a symbolic representation in conveying meaning. Indirectly, these artworks highlight the message and response to the local socio-cultural happenings in Malaysia.

Keywords: Culture, Frog, Printmaking, Symbol

PENGENALAN

Sejarah seni cetakan telah mengalami perkembangan sekitar tahun 1930an sejajar dengan perkembangan seni visual moden di Malaysia berusia menghampiri seabad lamanya. Kebanyakan bentuk karya seni rupa ketika awal permulaan dihasilkan lebih bersifat individual dan realistik. Terdapat ramai penggiat seni tempatan menghasilkan seni cetakan dengan berbagai tujuan. Abdullah Ariff merupakan antara pencetak awal yang telah menghasilkan cetakan skrin dan lino untuk ilustrasi grafik poster dan majalah sekitar tahun 1930an (Long, 1993). Berdasarkan kenyataan Mahmood (2003), beliau menjelaskan selepas kemerdekaan, ramai seniman mendapat peluang melanjutkan pendidikan diluar negara dan mula mengembangkan bidang ilmu seni moden setelah pulang ke tanah air. Kehadiran seniman muda pada sekitar akhir tahun 1970-an telah membuka perspektif baru dalam gaya pengolahan karya seni rupa tempatan termasuk seni cetakan. Seniman mengekspresikan seni berdasarkan pengalaman mereka. Melaluinya, karya seni dapat dihayati oleh penghayat dan membolehkan mereka merespon semula dengan apresiasi seni yang lebih estetik.

Pasca era kemerdekaan memperlihatkan seni rupa moden mulai beralih ke fasa baru selepas Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) diperkenalkan sekitar pada 1971. Ianya telah memberi pengaruh besar kepada seni rupa moden Malaysia dalam mengimbangi kesenian agar karya yang terhasil turut mengangkat identiti budaya nasional. Meskipun seni rupa sentiasa terus menerus berkembang, kesedaran seniman menerapkan penggunaan unsur kebudayaan seperti imej, simbol dan motif dipraktikkan didalam penciptaan karya seni sehingga kini. Tambahan pula unsur ini akan sentiasa wujud melalui masyarakat dengan kesinambungan tradisi sosial walaupun silih berganti zaman. Dalam konteks seni cetakan, kebanyakan artis meminjam simbol sebagai acuan dalam mengetengahkan konsep kebudayaan melalui imej yang divisualkan dalam karya mereka terutamanya dalam persoalan mencari identiti dan makna. Budaya adalah pengetahuan, perlakuan yang sudah menjadi kebiasaan dan dimiliki bersama dalam sesebuah masyarakat tertentu dan ianya diteruskan oleh anggota masyarakat terbabit dan diwariskan kepada generasi seterusnya. simbolisme mempunyai prinsip yang berhubung rapat dengan kehidupan masyarakat kerana pengambilan simbol dalam bahasa atau objek berdasarkan sesuatu yang difahami oleh masyarakat yang diwakilinya. (Abdullah, 2008: p.189)

Dalam kehidupan manusia, simbol telah digunakan dengan meluas sejak dulu lagi. Oleh itu pelbagai definisi telah dikemukakan bagi menggambarkan simbol. Ianya juga dilihat mewakili sesuatu makna yang lain, iaitu sebagai penggantian objek kepada suatu objek yang lain. Manusia mengekspresi pemikiran, perasaan dan sikap dengan menggunakan ungkapan visual yang simbolis dan ia mempunyai hubungan yang erat dengan manusia dalam membentuk sebuah masyarakat berbudaya. Bersumberkan dari pengalaman hidup dan pemerhatian dari persekitaran sekeliling, simbolisme haiwan sering digunakan dalam masyarakat bagi mewakili sesuatu peristiwa, nilai dalam kehidupan dan maksud dalam berkomunikasi. Bagi penggunaan simbol haiwan contohnya katak dalam budaya tempatan seperti masyarakat melayu sering diungkapkan dengan suatu maksud tersirat yang membawa boleh kepada pemaknaan positif ataupun negatif. Menurut Poespoprodjo (1987), manusia harus sentiasa membuat penafsiran terhadap dirinya, dunianya, kebudayaan dan tradisinya kerana ianya perlu seiring dengan konteks kehidupan yang terus sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Sebanyak tiga karya telah dikenapasti untuk dianalisa. Perbincangan yang akan menumpukan pada subjek imej katak yang terdapat dalam karya konvensional cetakan timbul (relief print) oleh Juhari Said, Sharon Chin dan Mohd Nafis Saad. Seterusnya, hasil analisa akan menjelaskan kaitan antara konteks dan makna dalam

penggunaan simbol katak. Justeru itu, kajian ini adalah untuk menganalisis dan menginterpretasi kaitan antara simbol, konteks dan makna melalui penggunaan subjek katak sebagai simbol.

KAJIAN LITERATUR

DKK 1971 telah memberi perubahan besar dalam sosiobudaya tempatan. Bersandarkan impak yang terbina, kerangka dasar kebudayaan ini telah ditambahbaiki dengan beberapa dasar baru tanpa menjejaskan prinsip DKK asal. Oleh itu, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 telah diperkenal seiring dengan cabaran dan kehendak semasa. (Kebudayaan, 2021). Menurut Ibrahim (2015), melalui penulisannya “Fungsi seni visual kepada masyarakat” menjelaskan bahawa sehingga kini, imej seni masih berfungsi sebagai penyampai maklumat atau informasi kepada masyarakat. Bidang seni cetak, lukisan, poster, filem dan foto membuktikan peranannya sebagai medium penyampaian maklumat. Faktor ini membantu dalam perkembangan komunikasi sosial kerana imej seni mewakili bentuk representasi artistik dapat menyampaikan informasi yang mudah diingat berbanding perkataan. Penulisan ini menyatakan keputusan yang terhasil perlu dinilai maksudnya kerana ianya mampu memberi mesej kebaikan atau keburukan kepada masyarakat. Berdasarkan kenyataan Husain (2014), dalam artikelnya bertajuk “Adaptasi rupa melayu dalam karya seni tampak moden Malaysia” membangkitkan persoalan tentang bagaimana seni visual moden perlu dilihat dalam bentuk dan makna. Penulis menghuraikan penelitiannya terhadap karya dari tiga orang pengkarya terdahulu yang dilihat menonjolkan dengan jelas konsep seni kebudayaan melayu didalam karya mereka. Kesimpulan dalam penulisan ini menyarankan pengkarya generasi baru supaya dapat menerapkan nilai seni kebudayaan melayu secara kritis dalam mengolah konsep makna dan bentuk dalam karya seni visual seiring dengan perubahan zaman.

Jurnal bertajuk “Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai” menjelaskan penemuan berkaitan penggunaan imej haiwan di dalam peribahasa boleh ditemui pada hampir semua bahasa dan budaya di dalam dunia. Dinyatakan juga bahawa penggunaan imej haiwan yang digunakan kerana berhampiran dengan persekitaran masyarakat atau mudah dijumpai memberi kesan kepada kehidupan manusia sehingga mudah diabadikan dan ditemui dalam peribahasa mereka. Turut dijelaskan dalam pembentuk peribahasa tersebut, unsur haiwan digunakan kerana karakternya mirip seperti sifat manusia manakala tingkah laku manusia pula diibaratkan seperti haiwan. Kesimpulan dari artikel ini menjelaskan bahawa peribahasa berfungsi sebagai satu medium komunikasi dalam sesebuah masyarakat. Penggunaan simbol haiwan dilihat sebagai satu perlambangan dari sifat – sifat manusia bagi menyampaikan pelbagai tafsiran yang boleh mendorong kepada nasihat, peringatan, sindiran dan pedoman hidup (Mahali & Saamah, 2013). Pandangan yang sama juga turut dinyatakan oleh Daud et. al., (2013) melalui artikel bertajuk “Simbolisma Haiwan Dalam Peribahasa Melayu”. Pendekatan peribahasa adalah salah satu cara masyarakat melayu menyampaikan buah fikiran atau mesej kepada penerima secara lembut dan bersopan. Simbolisme haiwan yang digunakan dalam peribahasa oleh masyarakat melayu adalah bersumberkan dari pengalaman hidup dan juga observasi dari persekitaran sekeliling mereka. Penggunaan simbol haiwan dalam peribahasa melayu dapat diungkapkan dengan suatu yang maksud tersirat sama ada positif ataupun negatif.


Penulisan artikel bertajuk “Imej Haiwan Dalam Kartun Letang Langkawit Melalui Pendekatan Ikonografi”, menjelaskan fungsi imej haiwan dalam menghubungkan isu-isu semasa melalui kartun lerang oleh Langkawit memiliki simbolik yang berperanan untuk mengkritik nilai-nilai sosiobudaya, politik, pendidikan dan alam. Imej haiwan dalam karya kartun tersebut turut berperanan sebagai alat kiasan dan komunikasi yang menjadi instrumen sesuatu teguran (Wong & Nordin, 2018). Definisi katak sebagai haiwan nokturnal iaitu aktif pada waktu malam dan kebanyakan spesies katak memerlukan kawasan berair untuk mengawan dan bertelur. Katak kebiasaannya dijumpai pada waktu malam dan suara katak sering kedengaran pada musim hujan. Penulisan ini menyimpulkan bahawa terdapat pelbagai jenis katak yang berkongsi habitat dengan persekitaran manusia. Katak juga berperanan penting dalam sistem kehidupan manusia seperti pelengkap kitaran makanan, bioindikator ekosistem, pendidikan budaya, agen kesihatan dan kawalan serangga perosak (Mohd Tah & Simon, 2020). Menurut kenyataan Hidayat (2021), dalam membawa maksud simbolisme katak, ianya merupakan binatang dua alam yang dianggap memiliki hubungan mistik dengan lingkungan persekitarannya. Tambahnya lagi, katak dan hujan memiliki hubungan yang kuat dalam konteks kesuburan.

METODOLOGI

Dalam penulisan ini, interpretasi karya diperoleh melalui kaedah kualitatif bagi menghuraikan, menganalisa dan mentafsir karya seni cetakan terpilih. Antara kaedah yang digunakan adalah seperti pemerhatian dan dokumentasi. Antara pengumpulan data yang lain turut digunakan dalam kajian ini adalah dari sumber beberapa dokumen seperti katalog, buku dan data digital daripada internet. Dengan menggunakan kajian kualitatif ini, penyelidik dapat memahami lebih jelas hubungkait konteks dan pemaknaan dalam penggunaan simbol pada karya.

Kerangka Konseptual Kajian

Bagi memahami dan menjawab persoalan yang timbul dalam kajian ini, maka satu kerangka konseptual dibina sebagai acuan bagi proses analisa yang terdiri daripada beberapa konsep yang dipinjam dari disiplin ilmu kritikan seni yang berkaitan. Kajian ini akan menganalisis tiga karya seni cetakan konvensional terpilih iaitu Juhari Said, Sharon Chin, Mohd Nafis Saad melalui pendekatan interpretasi simbolik mengikut model seperti yang digambarkan rajah dibawah Matlamat utama dalam pemilihan karya seni cetak ini ditentukan melalui tema yang dibawa oleh pengkarya seni cetak tersebut yang menunjukkan isu atau persoalan yang berkaitan dengan penggunaan imej katak (Rohidi, 2011: p.223–225).



Rajah 1: Model interpretasi simbolik karya seni
Sumber: Rohidi (2011)

Bersandarkan kepada konsep model kerangka interpretasi simbolik seperti dalam Rajah 1, (a) karya seni ditumpukan pada bahagian tengah rupa segi tiga. Ianya merupakan asas sasaran objektif dalam kajian yang diguna untuk menafsir hal – hal yang terkandung didalam sesebuah karya seni visual. (b) simbol merupakan gambaran visual yang terdapat pada karya seni dan berfungsi juga dalam memberi penjelasan pengertian makna di bahagian (d). (c) konteks adalah merupakan hubungan sifat (b) simbol yang wujud dalam sesuatu keadaan atau berfungsi pada keadaan tertentu yang juga mampu memberi (d) pemaknaan melaluinya. Justeru melalui karya seni, simbol, konteks dan makna boleh dikenal pasti, dihuraikan dan ditafsirkan apabila ketiga-tiganya saling berkait seperti yang ditunjukkan oleh rangkaian garisan anak panah diatas.

ANALISA DAN PERBINCANGAN KARYA

Kajian ini mengumpulkan tiga karya cetakan timbul yang dipilih menggunakan visual katak sebagai tema dalam penghasilan karya. Bagi sebuah karya cetakan konvensional ini, kemampuan pengkarya mengolah subjek tema bergantung kepada isu yang ingin disampaikan melalui pendekatan pengalaman disamping mengekalkan disiplin teknikal cetakan itu sendiri. Visual imej katak diangkat sebagai simbol dan menjurus dalam memperlihatkan intipati nilai kebudayaan. Analisa dapat mengenalpasti bahawa fungsi subjek katak tidak hanya dari segi visual semata tetapi membuka peluang untuk memahami


perlambangan simbol dan pemaknaan. Ianyanya dapat dilihat dalam konteks perspektif yang berbeza – beza berdasarkan pengalaman pengkarya dalam pembentukan dan penciptaan imej simbol berdasarkan refleksi dengan kehidupan peribadi, sosial masyarakat dan kebudayaannya.



Rajah 2: Juhari Said, Katak Nak Jadi Lembu, Woodblock Print, 1999, 22.86 X 27.94 Cm
(sumber: <https://www.mutualart.com/Artwork/KATAK-NAK-JADI-LEMBU/276B1AF99064DCCA>)

Karya bertajuk “Katak Nak Jadi Lembu” (1999) oleh Juhari Said menggambarkan imej seekor haiwan berkepala lembu tetapi mempunyai tubuh badan seperti katak. Berdasarkan struktur susuk tubuh, tanduk dan organ jantina yang divisualkan dalam karya mempamerkan sifat-sifat kejantanan. Berdasarkan pengamatan pengkaji, visual simbol katak berkepala lembu dilihat melompat tinggi dari satu kawasan yang gelap ke permukaan dasar yang cerah. Ianya gambaran seperti seorang lelaki biasa yang berimpian memperlihatkan dirinya sebagai individu yang hebat dan berkuasa. Bagaimanapun melalui imej yang digambarkan, ia merupakan suatu perkara yang mustahil untuk di capai oleh seekor katak yang bersaiz kecil melompat tinggi untuk berubah menjadi seperti seekor lembu. Menurut Mohd Tah & Simon, (2020) menyatakan kisah katak di dalam perigi adalah berkait dengan maksud kurang kefahaman dan matlamat wawasan yang tinggi sebagai seorang manusia. Selari dengan karya peribahasa “Katak Nak Jadi Lembu” yang membawa maksud keinginan melakukan sesuatu diluar kemampuan diri sendiri dan logik akal fikiran (Said, 2013). Dari peribahasa ini ia merupakan refleksi kepada sikap individu yang mahu berlagak seperti orang besar, kaya dan berpengaruh akhirnya mendatangkan kesusahan pada diri.

Dari konteks budaya masyarakat di Malaysia misalnya, manakala lembu sering dilambangkan sebagai satu haiwan besar tetapi kurang berakal, perumpamaan “bodoh seperti lembu” sering digunakan sebagai ungkapan dalam membahaskan perbuatan yang dangkal dan dungu. Dalam siri karya katak nak jadi lembu ini, artis meminjam perlambangan dari peribahasa dengan menggabungkan imej badan katak dan kepala lembu menjadi seekor haiwan baru yang pelik dan tidak mungkin wujud dalam nyata. Jika dilihat dari sudut pemaknaan, cita-cita mustahil seekor katak merupakan seekor haiwan kecil berkeinginan menjadi haiwan atau susuk yang lebih besar seperti seekor lembu adalah satu perkara yang sukar direalisasikan dalam realiti kehidupan, malah tidak diterima dalam sistem masyarakat. Berdasarkan keseluruhan komposisi visual yang diciptakan dalam karya “Katak Nak Jadi Lembu”, ia dapat dikaitkan dengan isu yang berlaku di dalam landskap budaya masyarakat Malaysia kini. Ketidakstabilan dan cabaran dalam meneruskan kelangsungan hidup mewujudkan desakan diri untuk mencapai keselesaan dengan lebih mudah dan pantas tanpa memikirkan nilai moraliti dan baik buruk tindakan yang dilakukan. Terdorong untuk merebut peluang yang hadir, langsung sifat ketamakan dan kemahuan bernafsu mempengaruhi individu untuk mendapatkan kuasa dan kekayaan dengan cepat. Personaliti seseorang juga mampu berubah menjadi individu narsistik, berbeza dari normal kebiasaannya demi mencapai cita-cita diharapkan. Dapat dinyatakan dari segi makna, ketamakan kuasa dan kekayaan tidak lagi dilihat pada golongan tertentu atau elit sahaja tetapi kini atas faktor survival hidup, ianya dilihat semakin tumbuh dalam budaya masyarakat dari segenap pelbagai lapisan golongan yang mampu menyumbang kepada kerosakan dalam sistem sosial budaya dalam masyarakat.



Rajah 3: Sharon Chin, Rainmaker Frog, Linocut on Thai mulberry paper, 2016, 39 x 29 cm
(sumber: https://www.runamok.my/catalogues/1607_local_fauna.pdf)

Karya Sharon Chin bertajuk Rainmaker Frog (2016) memperlihatkan penghasilan karya teknik cetakan timbul menggunakan teknik linocut. Karya yang bersaiz ukuran 39 x 29 cm ini dicetak diatas permukaan kertas mulberry. Penerangan pada karya ini telah dipecahkan mengikut kepada tiga bahagian bernombor 1, 2, 3 seperti dalam rajah 3. Pada bahagian 1, karya ini kelihatan tiga ekor katak yang dikomposisikan secara selari. Kumpulan katak ini dilihat sedang berselindung disebalik rumput. Rupa rumput dapat dikenalpasti melalui penggunaan garisan tebal yang beralun pada sekeliling katak. Disamping itu juga terdapat dua imej berupa daun pokok pakis disusun pada bahagian kiri kanan haiwan ini. Katak merupakan haiwan yang sinonim berkongsi habitatnya di kediaman rumah. Dari segi konteks, ianya seolah gambaran alam dan persekitaran sebagai habitat dan tempat perlindungan daripada ancaman pemangsa. Dalam konteks budaya, masyarakat melayu terdahulu mempercayai bahawa kehadiran katak ada kaitan dengan turunnya hujan yang dianggap sebagai satu rahmat mahupun bencana. Katak juga dikatakan sebagai simbol kesuburan dalam mitologi Egypt di mana “Frog-Goddess”, Heqet iaitu gambaran seorang wanita yang mempunyai kepala seekor katak (Mohd Tah & Simon, 2020). Pada bahagian 2, terdapat imej rumah rumah melayu klasik berdasarkan stuktur binaan rumah tradisional. Dibahagian kanan rumah pula terdapat figura lelaki menadah tangan seolah – olah sedang melakukan ritual keagamaan seperti berdoa atau membaca mentara. Keadaan tingkap rumah bertutup rapat dan pewarnaan hitam menimbulkan persepsi misteri dan mistik bagi ritual ini. Masyarakat melayu kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat (Wahab, 2013).

Pada bahagian 3, imej divisualkan dengan imej hujan yang jelas terlihat dengan garisan -garisan diagonal pada sekeliling rumah kayu, percikan titis air pada permukaan bumbung. Pengamatan mendapati penghasilan kepulan asap berupa irama suara katak ketika hujan digarap dengan lorekan cetakan timbul menghasilkan kesan terang gelap berbentuk organik dapat dilihat disekeliling figura lelaki tersebut. Kepulan yang menyerupai irama suara katak tersebut diatur gerakannya bermula dari katak dibahagian tengah kumpulannya menuju ke arah figura lelaki tua. Ciri kepulan asap yang sama juga dapat dilihat pada kiri dan kanan katak lain diatur gerakannya keatas secara tidak simetrikal. Pada penghujung kepulan asap, kelihatan imej seperti kelopak bunga yang kembang subur setelah hujan dan gumpalan awan hitam. Secara keseluruhannya, visual menggambarkan rangkaian perhubungan erat antara

katak dan manusia. Upacara meminta hujan dalam kepercayaan masyarakat melayu dahulu telah menjadi tradisi yang diwariskan secara turun temurun hingga kehari ini. katak pula digambarkan sebagai simbol perantara bagi komunikasi mistik yang dipercayai memiliki kebolehan memanggil hujan untuk tujuan kesuburan tanah pertanian. Haiwan ini nyata dianggap sebagai makhluk yang mampu menjayakan harapan besar oleh kelompok golongan yang terdesak mendapatkan sesuatu.



Rajah 4: Mohd Nafis Saad, The Storyteller, Linocut, 2020, 22.86 cm x 27.94 cm
(sumber: <https://aicadofficial.com/wp-content/uploads/2021/08/IVAE2020-e-catalogue.pdf>)

Karya “The Storyteller” (2020) dihasilkan oleh Mohd Nafis Saad merupakan sebuah karya seni cetakan konvensional menggunakan teknik linocut. Karya yang berukuran 22.86 x 27.94 cm ini dicetak di atas permukaan kertas. The Storyteller atau istilah dalam bahasa melayu adalah penglipur lara yang bermaksud “tukang cerita”. Kebiasaannya cerita yang disampaikan oleh penglipur lara membawa kepada unsur nasihat, jenaka, sindiran mahupun seloka dan ianya agak mudah difahami oleh lapisan pendengar. Merujuk rajah 4 memperlihatkan seekor katak sedang berada di atas batu besar mendominasi sebahagian besar komposisi didalam karya ini. Kesan ukiran teknik cetak timbul menghasilkan garisan-garisan satah kasar yang terkawal pada susuk badan disamping tekstur menggerutu menonjolkan lagi sifat karakter seekor katak. Terdapat juga pendekatan surealisme dilakukan oleh Mohd Nafis dalam karya seni cetakan ini. Jika diamati pada badan katak, olahan imaginasi artis diungkap melalui penambahan beberapa sifat karakter lain pada tubuh katak seperti bulu roma halus pada bahagian tangan dan kaki katak. Selain itu, kelihatan juga unsur flora seperti sepokok besar pada bahagian belakang badan serta kelopak bunga yang tumbuh pada permukaan kepala katak. Jika dihayati dengan lebih teliti, pemilihan imej katak dilihat sebagai representasi idea oleh artis disimbol sebagai seorang lelaki lanjut usia yang memiliki ilmu pengetahuan sangat tinggi serta berpengalaman luas dalam kehidupan. Posisi katak sedang selesa duduk di atas bongkahan batu pula dilihat sangat stabil dan kukuh memberi gambaran seolah bongkahan batu itu seperti ruang penting untuk menyampaikan amanat dan pengumuman bermakna. Kedudukannya lebih tinggi dari permukaan air menimbulkan persepsi mengenai taraf, darjat, kedudukannya didalam sesuatu kelompok komuniti atau masyarakat adalah sangat istimewa dan dihormati

Imej permukaan air terhasil dengan lorekan garisan-garisan beralun yang tersusun menghasilkan kesan riak air pada sekitar batuan dan pada kumpulan tiga ekor ikan yang timbul dipermukaan air. Tampak susun aturan yang harmoni melalui komposisi imej katak, air dan ikan yang direncanakan oleh artis mampu mengisyaratkan suasana keadaan sedang berdiskusi, menyampaikan suatu kisah yang

mendorong komunikasi sesama mereka. Hal ini dapat mengisyaratkan bahawa pembelajaran tentang kehidupan berlaku seawal usia muda lagi, melalui pengalaman yang diperoleh tidak kira dari keperitan atau kesenangan, ianya akan membentuk jatidiri setiap individu bergantung juga pada persekitaran, sosial, kebudayaan setempat dalam masyarakat. Oleh itu, kebiasaannya peranan orang yang lebih dewasa dan berpengalaman dapat membantu golongan generasi muda dalam membuat keputusan yang lebih baik. Menyusuri pandangan mata katak ibarat renungan penuh harapan dan nasihat kepada generasi muda yang diwakili dengan imej ikan. Simbol haiwan ini digambarkan dengan maksud positif sebagai seseorang yang bijaksana, berpengetahuan, memberi dan menerima nasihat agar memelihara diri daripada bahaya dan kerugian. Gelagat karakter kumpulan ikan yang ditonjolkan pula nyata seperti anak kecil sedang mendengar penyampaian cerita dengan penuh perhatian dan pada masa yang sama seperti mempunyai pelbagai persoalan tentang apa yang disampaikan.

Pada komposisi bahagian atas karya pula kelihatan 3 ekor berudu (rujuk bulatan merah) sedang berenang bersama-sama dalam keadaan berputar. Ciri-ciri surealis diterapkan di dalam karya artis jelas berbeza dengan kehidupan sebenar berudu yang sepatutnya berenang didasar air. Posisi imej 3 ekor berudu dianggap sebagai refleksi kepada kitaran hidup seekor katak yang perlu melalui proses kejadiannya sehingga menjadi seekor katak dewasa. Boleh dinyatakan disini, simbol berudu dalam konteks budaya masyarakat, merupakan lambang yang mewakili generasi muda yang begitu bernilai dan penting kerana mereka aset yang akan mencorak kemajuan masa depan sesebuah negara. Setiap kejayaan dan kehancuran sesebuah negara dan bangsa itu terbentuk atas perancangan generasi terdahulu terhadap generasi mudanya. Dari aspek formalistik pula, artis menggunakan warna hitam lebih dominan pada keseluruhan imej didalam karya kecuali pada subjek bunga. Kelihatan warna hitam yang digunakan sangat bertenaga dan misteri. Pada subjek bunga sedikit sentuhan warna merah, kuning dan ungu digunakan seperti mengisyaratkan satu sinar dan harapan terhadap generasi yang akan mewarisi negara.

KESIMPULAN

Kesimpulan mendapati penggunaan subjek katak sebagai tema tidak terhad kepada sekadar penghasilan imej visual dalam karya semata tetapi juga merupakan suatu perlambangan dalam menyampaikan suatu makna yang tersirat. Secara tidak langsung, penggunaan simbol katak didalam karya-karya ini adalah bagi mewakili sosio budaya tempatan yang merangkumi aspek alam persekitaran, kebudayaan, sosial masyarakat tempatan. Walaupun mesej yang ingin disampaikan berbeza dalam setiap karya, namun intipati identiti budaya nasional masih diraikan oleh seniman.

PENGHARGAAN

Jutaan penghargaan diberikan kepada Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Seri Iskandar kerana menyokong penghasilan penulisan ini. Sekalung penghargaan juga kepada rakan-rakan sekerja yang telah membantu dalam menyiapkan penulisan sehingga diterbitkan. Terima kasih.

RUJUKAN

- Daud, N., Kamarulzaman, U., & Parlan, N. H. Simbolisme Haiwan dalam Peribahasa Melayu. Hamidah Abdul Wahab. (2013). "Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak". *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*, 1 (1), 89-97.
- Hidayat, L. M. (2021). Simbolisme Katak dalam Upacara Meminta Hujan Babangkongan di Desa Surawangi Kabupaten Majalengka. *Panggung*, 31(3).
- Husain, A. H. (2014). Adaptasi Rupa Melayu Dalam Karya Seni Tampak Moden Malaysia. In *Seni Pendidikan & Kebudayaan* (pp. 1–10). Penerbitan Malim Sarjana.
- Ismail, N., Senin, N., & Azizan, N. I. (2021). Kepercayaan Masyarakat Hindu Terhadap Kesucian Lembu: Satu Kajian Terhadap Mahasiswa Universiti. *Jurnal Pengajian Islam*, 231-242. Retrieved from <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/70>

- Kebudayaan, B. D. (2021). *Dasar Kebudayaan Negara 2021*. Putrajaya: MZR Global Sdn Bhd. Retrieved from <https://www.motac.gov.my/en/download/category/123-dasar-kebudayaan-negara-2021>
- Long, T. S. (1993). *Kedudukan Seni Cetak Dalam Dekad 70-an*. Dlm. *Katalog Pameran Komunikasi Melalui Grafik – Seni Cetak*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Mahamood, M (2003). *Seni Cetak Malaysia*. Dewan Bahasa, Julai 2003.
- Marzuki Hj Ibrahim. (2015). *Fungsi seni visual kepada masyarakat*. Machang: Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UITM.
- Md. Noor, R. (2014). *Seni cetak dulu dan kini dalam perkembangan seni rupa di Malaysia / Rosiah Md. Noor...[et al.]*.
- Mohd. Ghazali Abdullah (2008). *Simbolisme dalam Puisi “Madu Ilmu” Karya Shafie Abu Bakar*. *Jurnal Aswara*: 187-205.
- Mohd. Top @ Mohd. Tah, M., & Simon, N. (2020, May 21). *KEDIAMAN ANDA DAN KATAK*. <https://www.majalahsains.com/>. Retrieved July 30, 2022, from <https://www.majalahsains.com/kediaman-anda-dan-katak/>
- Poespoprodjo, W. (1987). *Interprestasi: Beberapa catatan pendekatan filsafatnya*. Bandung: Penerbit Remadja Karya.
- Rohidi, T.R. (2011). *Metodologi penelitian seni*. Semarang: Penerbit Cipta Prima.
- Saidatul, N. H. M, Mohd. R. S. (2013) *Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai*. Retrieved on December 15, 2020, from <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/2224>
- Sapinah, H, S. (2013). *Kamus peribahasa Melayu*. Malaysia: Pelangi ePublishing Sdn. Bhd.
- Wong, O. G., & Nordin, F. N. (2019). *Imej haiwan dalam kartun lereng Langkawit melalui pendekatan ikonografi*. *Jurnal Kinabalu*, 50-71.